

Kenaikan biasiswa bukan untuk pi kat pelajar: Mahathir

BH 6 FEB 2000

KUÁLA LUMPUR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan kerajaan menaikkan kadar biasiswa dan pinjaman bagi membiayai pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) bukan bertujuan menarik sokongan pelajar.

Sebaliknya, Perdana Menteri menjelaskan kenaikan itu selaras dengan peningkatan kos pendidikan terutama di luar negara dan kesan kejatuhan nilai ringgit.

Sehubungan itu, beliau membidas Pas kerana mengajar generasi muda supaya tidak berterima kasih dengan bantuan kerajaan kerana kononnya mereka memang berhak menerimanya.

Justeru, kata Perdana Menteri, walau apa pun bantuan yang diberi kerajaan untuk meringankan beban generasi muda, terutama pelajar IPT, tidak membawa sebarang makna kepada golongan itu.

“Saya yakin pelajar ini apabila balik nanti (dari luar negara) sudah pasti akan menghentam kami juga.

“Pas telah berjaya mengajar generasi muda supaya jangan bersyukur dan apa jua yang diperoleh adalah hak mereka dan jangan sekali-kali berterima kasih (kepada kerajaan)... jangan mengucapkan terima kasih adalah satu budaya baru,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas pembentangan semula Belanjawan 2000 oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, di Dewan Rakyat, hari ini.

Daim ketika membentangkan Belanjawan itu berkata, berikutan kenaikan kos sara hidup dan penga-

jian pelajar di luar negara, kadar biasiswa dan pinjaman dinaikkan di antara 10 peratus sehingga 65 peratus untuk pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Mara yang menuntut di 15 negara.

Bagi pelajar dalam negeri pula, kadar pinjaman untuk IPT swasta dinaikkan daripada RM 12,000 kepada RM12,500 untuk aliran sastera dan daripada RM 16,000 kepada RM 16,500 (sains).

Bagi pelajar IPTA, kerajaan memberi bantuan pendahuluan sebanyak RM1,000 hingga RM1,500 untuk bayaran yuran pendahuluan.

Mengenai bantuan untuk pesara, Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah membuat apa yang terdaya bagi membantu golongan itu, terutama dengan keputusan menaikkan kadar pencen, ia itu selaras dengan kenaikan 10 peratus gaji kakitangan awam.

Beliau berkata, dengan kenaikan itu ada pesara sekarang menerima pencen lebih tinggi daripada gaji yang mereka peroleh ketika bekerja dulu.

“Jadi saya tidak tahu jika ada orang cakap kita masih tidak bermurah hati dengan golongan pesara... saya tidak tahu apa lagi yang boleh kita buat,” katanya.

Mengikut Belanjawan 2000, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM370 juta untuk membayar penye-larasan pencen kepada pesara, pertambahan bantuan kepada golongan kurang bernasib baik serta peningkatan kadar biasiswa dan pinjaman pelajar di luar negara.